



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LUNAS
09600 LUNAS , KEDAH DARUL AMAN

UJIAN 2 TAHUN 2021

1 JAM

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.
 2. Jawab SEMUA soalan.
-

BAHAGIAN A : Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan.

1. Bagaimanakah tumbuh-tumbuhan Hutan Konifer melindungi diri daripada keadaan sejuk ?

- I berkulit tebal dan berdamar
- II batang pokok besar untuk menyimpan air
- III menggugurkan daun pada musim sejuk
- IV berdaun kecil, berduri dan disaluti lilin

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Jawapan :

Aras : Tinggi

2. Hidupan liar di bawah terdapat di kawasan



Tikus jerboa



Oryx

- A bersalji tebal
- B panas dan kering

- C tanah jenis chernozem
- D tanah tinggi dan bersaliran baik

Jawapan :

Aras : Tinggi

3. Pernyataan manakah yang benar tentang kawasan bersaliran buruk ?

- I kawasan bertakung air
- II kawasan tidak bertakung air
- III kawasan tanah tinggi
- IV kawasan paya air masin

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Jawapan :

Aras : Rendah

4. Kombinasi manakah yang betul ?

	Jenis tanah	Huraian
A	Chernozem	Tanah kering dan tandus
B	Permafrost	Tanah jenis hitam
C	Aridisols	Tanah beku
D	Latosol	Tanah lembab berwarna merah

Jawapan :

Aras : Rendah

5. Hidupan liar berikut terdapat di kawasan beriklim



A Siberia B Laurentia C Gurun Panas D Monsun Tropika

Jawapan :

Aras : Sederhana

6. Antara berikut, lapisan yang manakah tidak terdapat di dalam Hutan Hujan Tropika di Malaysia ?

- A lapisan silara
- B lapisan tengah
- C lapisan renjong
- D lapisan pokok renek

Jawapan :

Aras : Rendah

Soalan 7 berpandukan foto di bawah.



7. Akar pokok seperti dalam gambar di atas berfungsi

- | | |
|------------------|---------------------------|
| A menyerap udara | C sebagai akar pernafasan |
| B menokong pokok | D masuk ke dalam lumpur |

Jawapan :

Aras : Sederhana

8. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan hutan kepada manusia ?

- | | |
|---------------------|-------------------------|
| I habitat | III sumber bahan mentah |
| II sumber perubatan | IV kawasan pertanian |
- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Jawapan :

Aras : Rendah

9. Apakah kesan kegiatan manusia terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi ?

- | | |
|------------------------------|-------------------------------|
| I kepupusan flora dan fauna | III hujan semakin berkurangan |
| II hutan semakin berkurangan | IV kos perubatan meningkat |
- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Jawapan :

Aras : Sederhana


10. Antara agensi berikut yang manakah berperanan melindungi hidupan liar ?

- A FRIM B FELDA C MARDI D PERHILITAN

Jawapan :

Aras : Rendah

Soalan 11 berdasarkan Rajah di bawah.



11. **Q** ialah

- | | |
|------------------|-------------------|
| A lantai hutan | C lapisan tengah |
| B lapisan kanopi | D lapisan renjong |

Jawapan :

Aras : Rendah

12. Apakah kegiatan manusia yang mengancam hidupan liar di Malaysia?

- | | |
|---------------------------|-------------------------------------|
| I penanaman semula hutan | III pembalakan secara berleluasa |
| II pewartaan hutan simpan | IV pembinaan empangan hidroelektrik |

- | | | | |
|------------|------------|--------------|--------------|
| A I dan II | B I dan IV | C II dan III | D III dan IV |
|------------|------------|--------------|--------------|

Jawapan :

Aras : Rendah

13. Apakah kepentingan kepelbagaian spesies hidupan liar kepada Malaysia?

- | | |
|-------------------------------|----------------------------------|
| I sumber makanan yang penting | III menggalakkan ekopelancongan |
| II membuka peluang pekerjaan | IV menggalakkan pemburuan haiwan |

- | | | | |
|------------|------------|--------------|--------------|
| A I dan II | B I dan IV | C II dan III | D III dan IV |
|------------|------------|--------------|--------------|

Jawapan :

Aras : Rendah

14. Apakah usaha yang efektif untuk memelihara dan memulihara hidupan liar ?

- | |
|---|
| I menguatkuasakan undang-undang |
| II mewujudkan pusat konservasi |
| III membangunkan kawasan ekopelancongan |
| IV aktiviti penanaman semula hutan |

- | | | | |
|------------|------------|--------------|--------------|
| A I dan II | B I dan IV | C II dan III | D III dan IV |
|------------|------------|--------------|--------------|

Jawapan :

Aras : Sederhana

15. Kombinasi anakah yang betul tentang pusat konservasi hidupan liar ?

	Pusat konservasi	Hidupan liar
I	Kuala Gandah (Pahang)	Gajah
II	Sepilok (Sabah)	Orang utan
III	Rantau Abang (Terengganu)	Badak air
IV	Similajau (Sarawak)	Kancil

- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Jawapan :

Aras : Sederhana

16 Negara pengeluar arang batu utama di dunia

- A India B Rusia C Arab Saudi D Amerika Syarikat

Jawapan :

Aras : Rendah

17 Apakah pertubuhan yang menjalinkan kerjasama ekonomi serantau?

- A. Kesatuan Eropah (EU)
B. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)
C. Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Singapura (IMS-GT)
D. Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

Jawapan :

Aras : Rendah

18. Antara negara yang terlibat dalam kerjasama ekonomi di bawah ialah



- I Brunei II Thailand III Indonesia IV Malaysia

- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Jawapan :

Aras : Sederhana

19 Pemindahan teknologi yang manakah berkaitan dengan maklumat berikut?

Syarikat di Malaysia mengedarkan produk keluaran syarikat asing.

- A. Pembelian ekuiti C. Peraturan paten dan cap dagang
B. Perjanjian perlesenan D. Pembelian terus barangan modal

Jawapan :

20. Apakah faktor utama yang menyebabkan Malaysia menyertai Pertubuhan Ekonomi Negara-negara Asia Pasifik (APEC)?

- I Perdagangan bebas tanpa sekatan
- II Pelaburan asing dalam kalangan negara anggota
- III Mengatasi masalah kewangan
- IV Mengeksport hasil pertanian ke Eropah

I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Jawapan :

Aras : Tinggi

BAHAGIAN B : Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan

1. a) Namakan sumber semula jadi utama di Malaysia seperti dalam foto di bawah.

i) _____



(iii) _____



ii) _____



(iv) _____



b) Nyatakan **dua** sumber boleh baharu

i) _____ (ii) _____

2. a) Kegiatan ekonomi di Malaysia terbahagi kepada tiga sector. Nyatakan apakah sector ekonomi yang ditunjukkan dalam foto-foto di bawah.

i) _____ (ii) _____ (iii) _____




b) Nyatakan **dua** jenis kegiatan ekonomi dalam foto di bawah.

i) _____

(ii) _____



3. a) Nyatakan **jenis tumbuhan semula jadi** yang ditandakan dalam peta di bawah.



b) Namakan **jenis tumbuhan semula jadi** dalam foto-foto di bawah.



i) Hutan



ii) Hutan



iii) Hutan

4. Jawab semua soalan di bawah berdasarkan carta pai yang diberikan.



- Carta pai di atas menunjukkan tentang _____
- Jumlah eksport kayu balak Malaysia pada tahun 2016 ialah RM _____
- Negara yang paling banyak mengimport kayu balak dari Malaysia ialah _____
iaitu sebanyak _____ peratus.
- Berapakah nilai eksport kayu balak ke Vietnam ? RM _____
- Nyatakan kepentingan **satu** kepentingan eksport kayu balak daripada segi ekonomi :

PILIHAN JAWAPAN UNTUK SOALAN 5 HINGGA 7

MESRA ALAM	PELUANG PEKERJAAN	EKOPELANCONGAN
KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR	TANIH LATERIT	IKLIM PANAS LEMBAB
DASAR GOVERNAN	TENAGA ALTERNATIF	BERSALIRAN BAIK
BAHAN API FOSIL	EKSPORT KAYU BALAK	KUASA HIDRO ELEKTRIK

(guna pilihan jawapan di atas untuk menjawab soalan 5-7)

Soalan 5 berdasarkan foto di bawah.



Erawan National Park, Thailand

5. Nyatakan **dua** kepentingan tumbuhan semula jadi dan hidupan liar tempat di atas.

a) _____

b) _____

Soalan 6 berdasarkan foto di bawah.



6. Nyatakan **dua faktor** yang mempengaruhi perkembangan kegiatan ekonomi dalam foto di atas.

a) _____

b) _____

Soalan 7 berdasarkan foto di bawah.



7. Pada pendapat anda , apakah kelebihan sumber tenaga di atas.

a) _____

b) _____

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh :

(YEOH LAY GNOH)

yeoh@smk1

Disemak oleh,